



Ruj. Kami : KKM.500-5/3/17 Jld.8(26)

Tarikh : 29 November 2022

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

YBhg. Datuk/Dato' Indera/Dato'/Datin/YBrs. Dr./Tuan/Puan,

PEMAKLUMAN PERUBAHAN SYARAT UMUM DAN PELANJUTAN TARIKH TUTUP IKLAN PENAWARAN BAGI TAWARAN B (PROGRAM SARJANA PERUBATAN) DAN TAWARAN D (LATIHAN KEPAKARAN *PARALLEL PATHWAY*) BAGI PENAWARAN SESI 2023/2024

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Bahagian Pengurusan Latihan (BPL), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah membuat pindaan kepada syarat umum bagi iklan penawaran Tawaran B dan Tawaran D bagi Pegawai Perubatan Lantikan Tetap dan Kontrak seperti Jadual di bawah:

JENIS TAWARAN	KETERANGAN	PINDAAN SYARAT UMUM
Tawaran B	Sarjana Perubatan Dengan HLP/Biasiswa KKM	Tidak pernah menolak tawaran yang ditawarkan oleh Bahagian Pengurusan Latihan, KKM dalam tempoh dua (2) tahun yang lepas
	Sarjana Perubatan Tajaan Sunway Medical Centre Sdn. Bhd.	
Tawaran D	Latihan Kepakaran <i>Parallel Pathway</i> Dengan HLP/Biasiswa KKM	

3. Sehubungan itu, tarikh tutup iklan penawaran bagi Tawaran B (Program Sarjana Perubatan) dan Tawaran D (Latihan Kepakaran *Parallel Pathway*) adalah dilanjutkan seperti jadual berikut:



TARIKH	KETERANGAN
10 Disember 2022	Tarikh Tutup permohonan.
16 Disember 2022	Tarikh Tutup Pengesahan oleh Sumber Manusia.
23 Disember 2022	Tarikh Tutup Pengesahan oleh Ketua Jabatan.

4. Syarat-syarat permohonan dan maklumat lengkap mengenai tawaran ini boleh diakses melalui Sistem Permohonan eHLP Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di laman sesawang: <http://ehlp.moh.gov.my>. Iklan penawaran dijalankan secara dalam talian sepenuhnya.

5. Kerjasama dan perhatian pihak YBhg. Datuk/Dato' Indera/Dato'/Datin/YBrs. Dr./Tuan/Puan, adalah dipohon untuk memaklumkan kepada semua pegawai yang berminat dan berkecenderungan di Jabatan YBhg. Datuk/Dato' Indera/Dato'/Datin/YBrs. Dr./Tuan/Puan.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(HADZRUL HANI BINTI MASBOP)

Bahagian Pengurusan Latihan

b.p Ketua Setiausaha

Kementerian Kesihatan Malaysia

Salinan Kepada:

Pejabat YB Menteri

Ketua Setiausaha (KSU)

Ketua Pengarah Kesihatan

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan)

SENARAI EDARAN

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal)

Pengarah Kanan
Program Kesihatan Pergigian

Semua Pengarah Kesihatan Negeri